

Jurnal Melayu
Bil. 15(2) 2016

PANTUN MELAYU SEBAGAI CERMINAN KEBITARAAN PERENGGU MINDA MELAYU

NIRWANA SUDIRMAN
Universiti Kebangsaan Malaysia
nirwanasudirman08@gmail.com

ZULKIFLEY HAMID
Universiti Kebangsaan Malaysia
zulkifley@ukm.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini dilakukan untuk melihat perenggu minda orang Melayu sebagaimana yang terpancar dalam pantun Melayu. Data kajian adalah berdasarkan pantun Melayu yang termuat dalam buku *Kurik Kundi Merah Saga* (2013) terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan kaedah penganalisisan teks. Daripada 5653 buah pantun yang terdapat dalam buku ini pengkaji telah memilih 110 pantun berdasarkan pengkategorian yang dibuat oleh penulis/penerbit buku ini. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan teori semantik kognitif yang dicadangkan oleh George Lakoff dan Mark Johnson (1980) sebagai landasan kajian. Dapatan kajian ini menunjukkan pemikiran Melayu amat terpengaruh oleh alam sekeliling iaitu alam fauna dan alam flora yang melatari kehidupan orang Melayu. Konsep berguru kepada alam jelas tercermin dalam penciptaan pantun Melayu. Dalam pantun yang dikaji, terdapat pelbagai metafora yang jelas menggambarkan perenggu minda orang Melayu tentang kasih sayang, adat, kiasan, nasihat, perantauan, jenaka, peribahasa, budi, agama, kepahlawanan dan juga perekonomian. Dapatan kajian ini akan membolehkan lebih difahami perenggu minda orang Melayu yang telah diwarisi zaman berzaman, dan tidak banyak berubah.

Kata kunci: akal budi; metafora; pantun Melayu; perenggu minda; semantik kognitif

MALAY PANTUN AS A REFLECTION OF THE EXCELLENCE OF MALAY MINDSET

ABSTRACT

This study was conducted to analyze the mindset of the Malays as reflected in Malay poems, known as *pantun*. This study is based on the data contained in the Malay *pantun* book, entitled *Kurik Kundi Merah Saga* (2013) published by Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). In this study, researchers had applied textual analysis as the main methodology. Out of 5653 pieces of *pantun* contained in this book, the researchers have selected 110 *pantun* based on the categorization made by the author/publisher of the book. Researchers had used cognitive semantic theory proposed by George Lakoff and Mark Johnson (1980) specifically as a theoretical framework for this study. The results had indicated that the Malay thinking was highly influenced by their natural surroundings that closely related to flora and fauna; which played an important role in their daily life activities. The concept of learning from the nature is clearly reflected in the creation of Malay *pantun*. Results had also shown that in the *pantuns* that were focused in this study, there were many metaphors that had clearly illustrated the Malay mindsets which talked

about love, traditions, advices, travelling, jokes, proverbs, wisdom, faith, heroism and economy. It is a hoped that the findings of this study will allow us to better understand the mindsets of the Malays which have not undergone much changes throughout the time.

Keywords: mind; metaphor; Malay pantun; mindset; cognitive semantic

PENGENALAN

Bahasa adalah cerminan pemikiran dan kehidupan penutur. Bahasa Melayu dengan jelas mencerminkan pemikiran dan corak kehidupan orang Melayu. Contohnya, bahasa Melayu adalah kaya dengan pepatah petiti dan pantun, dan kedua-duanya dengan jelas menggambarkan perenggu minda orang Melayu. Perenggu minda orang Melayu dalam pebagai aspek kehidupan seperti kasih sayang, adat, budi, agama, kepahlawanan dan sebagainya jelas tergambar dalam pepatah petiti dan pantun Melayu (Aminuddin, 2012). Kajian ini hanya memfokus kepada pantun Melayu sebagai penggambar akal budi orang Melayu. Pantun Melayu yang terkandung dalam buku *Kurik Kundi Merah Saga Kumpulan Pantun Lisan Melayu Edisi Kedua - Cetakan Kelima* (2013) yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) menjadi sumber data untuk kajian ini.

Minda atau akal budi sesuatu bangsa tidak mudah untuk difahami, dan ia hanya dapat dianalisis melalui sesuatu perantara. Perantara yang paling berkesan ialah bahasa kerana bahasa dapat menyerlahkan pelbagai aspek tentang akal budi atau minda sesuatu bangsa (Asmah, 1993). Wilkinson dan Winstedt (dlm. Azhar, 1993:1) dengan jelas menghuraikan peranan pantun sebagai penyerlah akal budi orang Melayu. Dalam menghuraikan betapa pentingnya pantun Melayu sebagai pengungkap akal budi orang Melayu, mereka mengatakan:

Sebenarnya tidak mungkin bagi sesiapa pun untuk cuba memeri akal budi orang Inggeris tanpa mengkaji sasteranya, atau mengkaji akal budi orang Scotland tanpa mengkaji Burns dan seterusnya tidak seorang pun dapat meramal ruang lingkup akal budi orang Melayu tanpa mengetahui pantunnya.

Pandangan Wilkinson dan Winstedt memperlihatkan kepada kita bahawa hasil atau *output* bahasa adalah unsur utama dalam menjelaskan akal budi sesuatu bangsa, khususnya pantun dalam kajian ini. Pantun dapat mencerminkan corak, gaya hidup dan pemikiran masyarakat Melayu. Pandangan yang sebegini telah lama ditegaskan oleh Hipotesis Sapir-Whorf yang menyatakan bahawa bahasa ialah landasan atau kerangka bagi aktiviti berfikir (dlm. Mangantar, 1987:244). Teori Sapir-Whorf menegaskan, “Tiap-tiap bahasa telah mendirikan satu dunia tersendiri. Sebanyak bahasa di dunia, sebanyak itulah dunia dibentuk oleh bahasa-bahasa itu untuk penutur-penuturnya”.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini dilakukan untuk mencapai tiga tujuan atau objektif utama. Tiga tujuan ini disenaraikan seperti berikut,

- I Menganalisis akal budi Melayu yang terkandung dalam pantun *Kurik Kundi Merah Saga Kumpulan Pantun Lisan Melayu* menggunakan pendekatan Semantik Kognitif sebagai landasan teori.
- II Menghuraikan aspek metafora alam sebagai asas perlambangan yang terdapat dalam buku pantun *Kurik Kundi Merah Saga Kumpulan Pantun Lisan Melayu*.

- III Memetakan gambaran akal budi Melayu berdasarkan pantun yang mampu dijemakan melalui skema imej.

METODOLOGI KAJIAN

Data kajian merupakan aset terpenting dalam sesebuah kajian. Tanpa adanya data, sesuatu kajian tidak akan berjaya mencapai matlamatnya. Dalam bidang penyelidikan, terdapat dua jenis data yang wujud iaitu data primer dan data sekunder. Data primer adalah data asli atau data mentah yang diperoleh daripada sumber pertama misalnya melalui kajian lapangan. Data sekunder pula adalah data yang telah diolah dan bukan terhasil daripada kajian lapangan. Data ini biasanya diperoleh melalui kajian kepustakaan.

Menurut Sulaiman Masri (2005), pengumpulan data merupakan proses pengumpulan pemboleh ubah dan penyelidik akan menentukan prosedur, teknik serta aspek pengumpulan data yang sesuai dengan kajiannya. Kaedah pengumpulan data yang sesuai sangat perlu bagi memastikan data yang diperoleh tepat dan sesuai dengan tujuan kajian dilakukan. Lazimnya, penggunaan satu kaedah sahaja tidak memberi gambaran yang sebenarnya mengenai sesuatu persoalan kajian. Oleh yang demikian, pengkaji perlu menggunakan beberapa kaedah pengumpulan data yang sesuai untuk mendapat maklumat dan data tentang persoalan kajian.

Kaedah Pengumpulan Data

Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan dan kajian teks. Menurut Mohd Shaffie (1991), kajian kepustakaan merupakan kaedah yang digunakan oleh seseorang penyelidik atau penulis untuk mendapat data dan bukti melalui kajian ke atas dokumen dan rekod-rekod yang sedia ada. Langkah ini membolehkan pengumpulan data yang bersifat sekunder dapat dilakukan bagi menyokong dapatan kajian. Fungsinya adalah bagi memberikan gambaran permulaan dan hala tuju kajian pengkaji. Pengkaji akan mendapatkan maklumat berkenaan kosa ilmu yang berkaitan dengan pantun khususnya yang melibatkan akal budi.

Kosa ilmu atau kajian lepas ini penting bagi memastikan pengkaji tidak mengulang-ulang kajian yang telah dilakukan selain berfungsi sebagai panduan kepada pengkaji. Pengkaji memperoleh maklumat berkenaan kosa ilmu melalui buku-buku, latihan ilmiah, tesis, laporan, serta turut memanfaatkan kemudahan jurnal atas talian yang dibekalkan dalam sistem atas talian oleh pihak universiti dan sebagainya. Melalui kaedah ini, pengkaji dapat melihat dan mengenal pasti kelompongan kajian lepas yang boleh membentuk suatu permasalahan kajian yang ampuh. Selain berfungsi untuk mendapatkan maklumat mengenai definisi konsep, teori-teori dan fakta yang berkaitan dengan kajian.

Sampel dan Persampelan

Aspek paling penting dalam menjalankan sesebuah kajian ialah pengumpulan data. Data yang dipilih perlulah tepat agar proses penelitian akan berjalan dengan sistematik bagi mendapatkan hasil dapatan daripada perumusan masalah yang telah ditetapkan. Data yang dipilih perlu sesuai dengan tujuan penelitian. Dengan menggunakan teknik persampelan yang sesuai, pengkaji telah menentukan strategi dan prosedur yang akan digunakan dalam mencari data yang sesuai.

Data primer yang digunakan dalam kajian ini merupakan data yang diperoleh daripada buku *Kurik Kundi Merah Saga Kumpulan Pantun Lisan Melayu Edisi Kedua - Cetakan Kelima*

(2013) oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Pemilihan data dilakukan dengan menggunakan teknik persampelan. Menurut Mohd Shaffie Abu Bakar (1991), persampelan merupakan satu proses yang melibatkan sebahagian kecil daripada keseluruhan populasi yang dipilih dan dikaji bagi membolehkan pengkaji membuat satu generalisasi berkaitan populasi tersebut. Persampelan juga melibatkan penyelidikan terhadap sampel kajian bagi mewakili keseluruhan populasi kajian. Kaedah ini biasa digunakan oleh penyelidik tidak kira sains tulen atau sains sosial dalam penyelidikan mereka. Oleh itu, secara umumnya, sampel merupakan satu set khas yang dipilih oleh penyelidik daripada satu populasi. Unsur persampelan merupakan unit analisis yang digunakan dalam kajian.

Penyelidikan dengan menggunakan sampel memberikan peluang kepada penyelidik untuk mendapatkan maklumat mengenai populasi dengan lebih mudah dan tepat. Saiz sampel perlu ditentukan sebelum jenis persampelan kajian ditetapkan. Terdapat pelbagai kaedah persampelan, maka setelah mengambil kira beberapa faktor pengkaji memilih untuk menggunakan persampelan rawak sistematik. Persampelan rawak sistematik ialah sampel yang diperolehi dengan memilih unsur secara rawak. Teknik ini memerlukan senarai kesemua data atau subjek yang berkemungkinan untuk dipilih. Pemilihan data adalah dibuat dengan memilih setiap m sampel daripada senarai data tersebut (m merupakan senarai data sampel yang diperlukan). Cara pengambilan persampelan ini adalah dengan hanya unsur atau bilangan data pertama dipilih secara random manakala bilangan data berikutnya dipilih secara sistematik mengikut suatu pola tertentu. Ia boleh dilakukan dengan memilih subjek kajian berdasarkan selang atau gandaan tertentu. Misalnya,

Contoh cara pengiraan:

Senarai data= 1000 data

Sampel yang diperlukan=100 data, maka $m= 8$

Bagi memilih data yang pertama, pilih satu nombor secara rawak dari 1 hingga 8. Misalnya, jika nombor 3 dipilih, maka nombor seterusnya adalah $3+8=11$ (dan nombor yang seterusnya adalah $11+8$, $19+8$, $27+8$ dan seterusnya). Jumlah pantun yang terdapat dalam buku pantun *Kurik Kundi Merah Saga Kumpulan Pantun Lisan Melayu* ialah sebanyak 5653. Penerbit atau penulis buku berkenaan telah mengelompokkan pantun berkenaan kepada sebelas jenis tema yakni tema kasih sayang, tema adat, tema kiasan, tema nasihat, tema perantauan, tema jenaka, tema peribahasa, tema budi, tema agama, tema kepahlawanan dan juga tema perniagaan. Pengkaji memetik 10 data pantun bagi setiap kategori pantun dalam buku berkenaan. Hal ini bagi memudahkan satu dapatan yang holistik mengenai akal budi Melayu dapat dirungkaikan pada akhir kajian. Pemaparan data dalam kajian ini menggunakan jadual dan rajah yang terdiri daripada gambar dan graf. Data yang telah ditranskripsi ditunjukkan dalam bentuk jadual, manakala skema imej ditunjukkan dalam bentuk rajah. Graf yang digunakan akan menunjukkan pola kekerapan penggunaan metafora konsepsi dalam pantun.

Kajian ini hanya tertumpu pada pantun Melayu dengan mengaplikasi teori semantik kognitif. Jumlah keseluruhan data pantun ialah 5653 rangkap sebagaimana yang terdapat dalam buku *Kurik Kundi Merah Saga Kumpulan Pantun Lisan Melayu*. Pengkaji menggunakan teknik persampelan rawak sistematik dalam memilih data untuk kajian ini. Salah satu signifikan bahan kajian ialah kerana koleksi pantun dalam buku *Kurik Kundi Merah Saga Kumpulan Pantun Lisan Melayu* ini telah menjadi saksi kepada keaslian dan keupayaan orang-orang Melayu mengguna pakai pantun dalam kehidupan seharian di samping pantun-pantun yang terkumpul di

dalamnya telah dikategorikan mengikut tema, dan pengumpulan pantun berkenaan pula merangkumi jenis pantun Melayu Klasik dan Moden. Keadaan ini akan lebih memberi manfaat dalam usaha kita memahami pemikiran Melayu dalam menempuh arus perubahan masa, serta ia juga akan lebih memudahkan pengkaji untuk melakukan penelitian.

Pantun-pantun yang dipilih sebagai data kajian akan dianalisis secara kualitatif dengan menghuraikan aspek-aspek pemikiran yang terkandung di dalamnya selari dengan objektif kajian ini dijalankan. Secara umumnya pantun dapat dibahagikan kepada pelbagai jenis. Walaupun begitu, pembahagian pantun telah dibuat berdasarkan kepada tiga sudut utama iaitu daripada sudut khalayak, bentuk dan tema. Dalam aspek khalayak, pantun biasanya dikelaskan mengikut peringkat usia yakni kategori pantun kanak-kanak, pantun orang dewasa dan pantun orang tua. Pantun bentuk pula dibahagikan kepada empat bentuk iaitu pantun dua baris, pantun empat baris, pantun lebih daripada empat baris dan pantun berkait. Satu lagi cara pembahagian pantun yang lazim digunakan adalah dengan melihat pantun berdasarkan kepada tema dan persoalannya. Antara tema yang terlibat ialah tema budi, teka-teki, kepahlawanan, pendidikan, nasihat, peribahasa dan pelbagai lagi.

Kerangka Teori

Dalam menjalankan sesebuah kajian, penggunaan teori yang signifikan dengan kajian amatlah dititikberatkan. Hal ini demikian kerana, teori ibarat kompas yang menjadi penunjuk arah untuk memastikan kajian berada di landasan yang tepat. Bagi mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan, pengkaji akan menerapkan penggunaan teori Semantik Kognitif. Teori ini dipilih kerana pengkaji yakin bahawa pengaplikasian teori Semantik Kognitif dalam kajian bahasa tabii manusia amat sesuai dan relevan.

Semantik Kognitif ialah satu teori linguistik yang berkembang selaras dengan andaian bahawa terdapat hubungan yang erat di antara bahasa dengan keupayaan kognitif asas manusia. Keupayaan kognitif asas tercermin dari keupayaan manusia mengkategorikan (membentuk konsepsi berstruktur yang bersifat pelbagai tingkat dan lapis), dan mengkonsepsi (membayangkan sesuatu situasi mengikut tahap abstrak yang pelbagai).

Teori ini juga melihat bahasa dalam konteks interaksi sesama manusia dan interaksi manusia dengan alam. Hal ini disebabkan, Semantik Kognitif merupakan satu teori linguistik yang mengkaji keupayaan penggunaan bahasa. Ia berdasarkan prinsip bahawa keupayaan menggunakan bahasa merupakan satu keupayaan kognitif yang dipengaruhi secara kolektif oleh inventori bahasa (leksis, morfologi dan sintaksis) dan turut dipengaruhi oleh masyarakat, budaya dan pengalaman manusia. Dalam membincangkan hal ini, terdapat empat tanggapan utama mengenai Semantik Kognitif iaitu:

- a. Struktur konseptual adalah terangkum (*conceptual structure is embodied*)
- b. Struktur semantik ialah struktur konseptual (*semantic structure is conceptual structure*)
- c. Makna perlambangan ialah pengetahuan dunia luar (*meaning representation is encyclopaedic*)
- d. Makna binaan ialah makna konseptual (*meaning construction is conceptualization*)

Tanggapan ini membawa maksud, makna merupakan objek yang wujud dalam pemikiran seseorang. Makna tidak wujud secara tersendiri daripada orang yang mencipta atau menggunakannya. Hal ini disebabkan makna yang aktif dalam minda seseorang tidak semestinya sama kepada semua orang kerana makna tertakluk kepada pengalaman individu dan pengalaman kolektif. Tambahan lagi, makna juga wujud berdasarkan struktur konseptual yang

lazim. Ia mencerminkan kategori mental yang telah sedia ada pada manusia berikutan dari pengalaman (*experientialist approach*) dan pergaulan dengan dunia sekitar. Struktur konseptual (*Idealized Cognitive Models*) merupakan satu daripada tiga item yang diberikan perhatian dalam aliran Semantik Kognitif selain dua yang lainnya iaitu Teori Prototaip dan Model Kerangka Jaringan Radial.

Struktur konseptual adalah struktur semantik yang berfungsi sebagai dasar kepada sekurang-sekurangnya satu profil konsep (lazimnya banyak profil). Bagi memerikan struktur konseptual istilah lain yang digunakan ialah *frame* (Fillmore, 1977), domain dan mandala. Istilah *Idealized Cognitive Models (ICM)* diperkenalkan oleh George Lakoff dan Mark Johnson pada tahun 1980 untuk memberikan gambaran bahawa sesuatu konsep terbentuk dalam satu hierarki yang begitu kompleks. Sifat kompleks itu dijelaskan sebagai kepelbagaian domain yang saling memberi gambaran antara satu sama lain bagi sesuatu makna konsep yang didukung. Hal ini bermaksud makna atau struktur semantik sesuatu kata harus menampakkan perkaitan dengan kepelbagaian maksud kata dan penggunaan kata itu. Dalam kata lain, klasifikasi semantik tentang makna amat bergantung pada domain konseptual dan perkaitan maksud dapat diperjelaskan oleh prinsip kognitif seperti skema imej, metafora konseptual dan metonimi.

Lakoff telah membahagikan teori ini kepada lima model, iaitu *Idealized Cognitive Models (ICM)* yang merangkumi metafora konsepsi, metonimi, preposisi, skema imej dan simbolik. Kelima-lima jenis ICM ini digunakan untuk memahami sesuatu makna. ICM ini digunakan dengan cara mengaitkan sesuatu ungkapan itu secara langsung dengan salah satu atau dengan menggunakan kesemua ICM tersebut melalui pengalaman yang sedia ada pada individu tersebut. Walau bagaimanapun, dalam kajian ini hanya dua struktur konseptual sahaja yang akan dijelaskan dan diaplikasi iaitu skema imej dan metafora konsepsi.

Skema Imej

Skema imej merupakan suatu struktur konseptual yang berasaskan klasifikasi atau susun atur yang bermakna. Struktur konseptual yang diperkenalkan oleh Brugman bagi menjelaskan konsep *over* (Lakoff, 1987) ini merupakan suatu bentuk penyusunan pengalaman dalam satu struktur skema (bersifat ekologi) yang bermakna yakni membolehkan kita memahami dan mentafsir pengalaman tersebut. Menurut Gibbs dan Steen (1997) pula, skema imej diibaratkan sebagai sebuah skema pengetahuan yang menyusun atur pengalaman hidup manusia yang berlaku secara berulang-ulang kali, melalui pola-pola ayat yang koheren dan bermakna sifatnya.

Hal ini berlaku kerana, melalui keupayaan kognitif manusia menjana imej mental setiap masa, sehingga melahirkan suatu konsep berbentuk skema (Hawa & Zulkifley, 2015). Konsep berkenaan sama ada konkrit atau abstrak dibangunkan daripada perwakilan gabungan persepsi pengalaman deria visual (pandangan), auditori (bunyi), haptik (sentuh), motorik (gerakan), olfaktori (bau) dan gustatory (rasa). Melalui gabungan persepsi pengalaman deria inilah yang juga sering disebut sebagai pengalaman *gestalts*, iaitu terhasilnya skema imej sebagai suatu bentuk struktur konsepsi yang penting.

Lakoff (1987) menyatakan bahawa terdapat sepuluh jenis skema imej yang berlainan iaitu:

- a) Skema Imej Pusat-Pinggiran (*center-periphery schema*)
Skema imej ini merupakan skema imej yang melibatkan teras, bersifat abstrak atau konkrit, contohnya ruang lingkup tanggapan seseorang individu berkenaan sesuatu perkara.
- b) Skema Imej Bekas (*containment schema*)
Skema Imej Bekas menginterpretasikan pengalaman dalam bentuk sebuah bekas.
- Pengalaman: Sebuah beg yang menampung pelbagai barangan seperti buku, fail dan kotak alat tulis.
Struktur: Dalam bekas, had sempadan bekas dan luar bekas.
Logik Asas: Jika D, E dan F di dalam C, dan C di dalam A, ini bermakna D, E dan F juga berada di dalam A. Yang tiada di dalam A bermakna ia berada di luar A.
- c) Skema Imej Kitaran (*cycle schema*)
Skema Imej Kitaran melibatkan hal-hal yang berulang. Strukturnya terdiri daripada titik permulaan dan perkembangan yang melalui perkara-perkara berterusan tanpa imbasan dan akhirnya kembali ke tempat asal. Misalnya, perhitungan hari, minggu, bulan dan tahun.
- d) Skema Imej Sumber-Laluan-Maklumat (*end-of-path schema*)
Skema Imej Sumber ini mempunyai unsur aliran dan dikaitkan dengan masa kerana mempunyai matlamat.
- e) Skema Imej Daya (*force schema*)
Konsep tentang wujudnya kuasa yang dapat menentukan daya dan keupayaan untuk menggerakkan sesuatu.
- Pengalaman: Pintu tertutup kerana terdapat sesuatu yang bertindak ke atasnya yang menyebabkan pintu tersebut tertutup.
Struktur: Entiti A (yang memberi kesan daya), entiti B (yang menerima kesan daya) dan daya (misalnya paksaan, tolakan dan ajakan)
Logik Asas: Jika A menolak B, dan B jatuh ini bermakna A mempunyai daya untuk menjatuhkan B.
- f) Skema Imej Perhubungan (*link schema*)
Skema imej ini menghubungkan bentuk yang abstrak atau konkrit yang melibatkan dua atau lebih daripada dua entiti yang berhubungan antara satu sama lain.
- Pengalaman: Perhubungan kita dalam persaudaraan (anak dan ibu bapa, adik-beradik, saudara mara) dihubungkan melalui tali silaturahim yang berperanan sebagai penghubung.
Struktur: Entiti A, entiti B dan penghubung (yang menghubungkan entiti A dan B).
Logik Asas: Jika A dihubungkan ke B, maka A dikawal dan bergantung pada B.

- g) Skema Imej Bahagian-Keseluruhan (*part-whole schema*)
Skema Imej Bahagian - Keseluruhan ini melibatkan bentuk yang abstrak atau konkrit meliputi bahagian atau keseluruhan bahagian. Misalnya, keseluruhan pada anggota badan manusia (konkrit) dan keseluruhan anggota keluarga individu (abstrak).
- h) Skema Imej Laluan (*path schema*)
Skema Imej Laluan ini melibatkan pergerakan berbentuk abstrak atau konkrit iaitu dari suatu tempat ke suatu tempat yang lain. Contohnya, jalan ataupun lintasan.
- i) Skema Imej Skala/Ukuran (*scale schema*)
Skema Imej Skala/Ukuran ini melibatkan kenaikan ataupun penurunan sesebuah atau sesuatu jumlah yang abstrak atau konkrit.
- j) Skema Imej Tatatingkat (atas-bawah) (*vertically schema*)
Skema Imej Tatatingkat pula melibatkan konsep perhubungan turun dan naik sesuatu perkara.

Pengalaman: Lebih tinggi aras air, lebih besar isi padunya; lebih rendah aras air, lebih kecil pula isi padunya.

Struktur: Atas dan bawah.

Logik Asas: Setiap yang di atas adalah lebih baik, setiap yang di bawah adalah kurang.

Berdasarkan penjelasan di atas, dalam pemikiran manusia terdapat beribu-ribu skema imej yang tersimpan dan mampu dicapai untuk memahami dan menjelaskan sesuatu konsep yang baru. Oleh itu, setakat ini kajian berkenaan bilangan dan sifat skema imej masih giat dijalankan. Kebanyakan pengkaji juga percaya bahawa skema imej ini mampu dicapai dan digunakan untuk memahami dan menjelaskan konsep-konsep yang baru berdasarkan analisis yang kritis terhadap bahasa yakni melalui penggunaan lexis yang digunakan oleh penutur dan pengguna bahasa.

Metafora Konsepsi

Ramai sarjana memberikan pandangan yang berbeza berkenaan konsep metafora dalam bahasa yang diteliti dari sudut yang berlainan. Misalnya, Searle (1979) yang membincangkan metafora dari sudut *comparison view* berpendapat ungkapan metafora dapat menimbulkan ciri persamaan atau kemiripan antara objek-objek yang digunakan dalam frasa. Walau apapun, pandangan yang diberikan oleh pelbagai sarjana, pendekatan Semantik Kognitif yang mengutamakan elemen kognitif dalam menganalisis makna berpendapat, metafora terhasil dari sistem konsepsi yang didasarkan oleh pengetahuan am mengenai dunia sekeliling.

Oleh sebab ia dikaitkan dengan sistem konsepsi, Lakoff (1992) mendefinisikan metafora sebagai suatu proses kognitif dari suatu sistem konseptualisasi yang bergantung pada pemetaan tiga perkara iaitu *source domain* (sumber) yang biasanya melibatkan sesuatu yang konkrit, *target domain* (sasaran) atau sesuatu yang bersifat abstrak dan *set of mapping relation* (rujukan). Contohnya:

KEHIDUPAN ADALAH SEBUAH PERJALANAN YANG PANJANG

Sumber: Perjalanan yang panjang
Sasaran: Kehidupan
Rujukan: Metafora struktural (ada permulaan dan pengakhiran)

Contoh yang diberikan di atas memperlihatkan bahawa keupayaan kognitif dalam menjelaskan suatu sistem konsepsi yang terbina hasil dari pengamatan dan penaakulan kita sehari-hari dalam dunia sekeliling sehingga tercetusnya metafora tersebut. Keadaan ini menunjukkan bahawa, “*metaphor is principally a way of conceiving of one thing in terms of another, and its primary function is understanding*” (Lakoff & Johnson, 1980).

Dalam kata lain, metafora melibatkan dua domain iaitu domain sumber (yang biasanya bersifat konkrit) dan domain sasaran (yang biasanya bersifat abstrak). Dengan mengambil contoh, KEHIDUPAN IALAH SEBUAH PERJALANAN YANG PANJANG, dapat dikatakan bahawa untuk memahami bagaimana rupanya KEHIDUPAN (domain sasaran), maka kita dapat membayangkan seperti PERJALANAN YANG PANJANG (domain sumber). Pengisian PERJALANAN YANG PANJANG yang melibatkan adanya permulaan dan pengakhiran, ada suka dan duka, ada proses serta struktur yang dilalui setiap saat dan waktu, memberi kefahaman berkenaan makna KEHIDUPAN yang sebenar.

Secara umumnya, terdapat tiga jenis metafora konsepsi yang asas dalam Semantik Kognitif iaitu metafora orientasi, metafora ontologi dan metafora struktural. Metafora orientasi merupakan aspek metafora yang mengatur satu sistem yang berkaitan antara satu sama lain. Situasi ini adalah hasil daripada pengalaman fizikal dan sosial yang berhubung dengan konsep orientasi ruang. Konsep ruang yang terdapat dalam metafora orientasi termasuklah atas-bawah, dalam-luar, hadapan-belakang, buka-tutup, dalam-cetek dan pusat-pinggiran.

Metafora ontologi merupakan pengkonseptualisasian sesuatu benda yang abstrak. Dalam hal ini, kita boleh menggunakan pengalaman harian kita untuk memahami sesuatu. Pemahaman melalui pengalaman ini membolehkan kita untuk menggunakan sebahagian daripada pengalaman ini dan menganggap pengalaman ini sebagai satu entiti yang penting dan berasingan daripada jenis yang seragam. Apabila kita menganggap pengalaman tersebut merupakan perkara yang penting, kita akan menjadikan pengalaman itu teras dan kita boleh merujuk kepada pengalaman itu untuk meluaskan pelbagai jenis metafora ontologi, iaitu cara melihat sesuatu perkara, aktiviti, emosi, pendapat dan lain-lain sebagai satu entiti yang bermakna. Seterusnya, metafora struktural pula mengambil item-item yang banyak berstruktur dalam pengalaman hidup sebagai domain untuk memahami sesuatu domain yang lain. Metafora jenis ini merupakan metafora yang sistematik cara penyusunannya. Oleh yang demikian, bahasa yang digunakan untuk menerangkan konsep tersebut juga adalah bersifat sistematik.

Metafora konsepsi adalah satu bentuk mekanisme kognitif yang digunakan oleh manusia untuk memahami entiti yang bersifat abstrak melalui sesuatu yang konkrit bagi memudahkan pemahaman sesuatu maklumat. Lakoff & Johnson (1980) yang merupakan pelopor semantik kognitif menyatakan bahawa terdapat tiga jenis metafora konsepsi yang asas iaitu metafora orientasi, metafora ontologi dan metafora struktural, dan ketiga-tiganya mempunyai struktur asas yang tersendiri.

DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini memaparkan mengenai analisis dapatan kajian berdasarkan objektif yang telah ditetapkan iaitu menganalisis akal budi yang terkandung dalam pantun *Kurik Kundi Merah Saga Kumpulan Pantun Lisan Melayu* berasaskan pendekatan Semantik Kognitif, dan seterusnya menghuraikan aspek metafora alam sebagai perlambangan. Akhirnya memetakan gambaran akal budi Melayu berdasarkan pantun yang mampu dijelmakan melalui skema imej.

Menganalisis Akal Budi Melayu yang Terkandung dalam Pantun *Kurik Kundi Merah Saga Kumpulan Pantun Lisan Melayu*

Bahagian ini memaparkan analisis dapatan kajian berdasarkan objektif yang telah ditetapkan iaitu menganalisis kebitaraan akal budi Melayu sebagaimana yang tercermin dalam pantun *Kurik Kundi Merah Saga Kumpulan Pantun Lisan Melayu*, seterusnya menghuraikan aspek metafora alam sebagai perlambangan, akhirnya memetakan gambaran akal budi Melayu berdasarkan pantun yang mampu dijelmakan melalui skema imej. Menurut Zulkifley Hamid (2010), akal budi ialah satu entiti yang berkait rapat dengan aspek pemikiran atau daya berfikir. Junaini & Nor Hashimah (2015) pula berpandangan bahawa akal budi merujuk kepada pemikiran tinggi yang bijaksana yang saling paut-memaut pada makna yang mendukung kebijaksanaan, kehalusan jiwa dan keindahan. Inilah dasar bagi pengkaji untuk memahami perenggu minda orang Melayu. Pandangan ini jelas tergambar dalam pantun berikut,

Tegak rumah kerana sendi,
Runtuh sendi rumah binasa,
Tegak bangsa kerana budi,
Runtuh budi hilanglah bangsa. (Data 1)

Berdasarkan rangkap pantun di atas, hati budi merupakan hakikat diri seorang manusia. 'Hati' dikatakan sebagai tempat untuk persemadian perasaan, kesedaran, keyakinan, dorongan, dan juga sebagai bekas di mana insan menerima hidayat Ilahi iaitu melalui hati nurani atau sanubari. Budi ialah akal, daya fikir untuk memahami sesuatu perkara dan kebolehan untuk berdalil dan menyimpulkan secara rasional, juga merupakan kepandaian, keupayaan dan kebijaksanaan yang mampu melahirkan insan yang budiman. Dalam hal ini, hati dan budi bertindak secara berintegritas dalam diri seseorang sebagai satu kesatuan sehingga terjelma dalam tindak-tanduk, budi pekerti, budi bahasa, nilai, norma, pemikiran dan sifat keilmuannya, dan seterusnya membentuk personaliti, keperibadian atau identiti secara individu dan secara kemasyarakatan apabila sifat itu dimiliki sepunya oleh sesebuah masyarakat secara kolektif.

Yang kurik itu kundi,
Yang merah itu saga,
Yang baik itu budi,
Yang indah itu bahasa. (Data 2)

Dua baris yang pertama ialah pembayang iaitu unsur alam yang zahiriah dan ditanggapi manusia Melayu melalui cerapan akal budinya terhadap persekitaran iaitu menyatakan kebenaran yang bersifat alamiah atau natural. Dalam hal ini, kundi iaitu biji yang telah lama

digunakan sebagai penimbang dalam kerja menimbang, telah berbentuk kurik iaitu berbintik-bintik dan lusuh. Biji saga pula yang masih baharu, masih berwarna merah dan segar. Inilah kebenaran alamiah yang berada dalam ekologi budaya orang Melayu.

Baris yang ketiga dan keempat pula ialah maksudnya yang menyatakan kebenaran yang bersifat rohaniah iaitu yang baik itu budi yang indah itu bahasa. Dalam hal ini, pengungkapan, perlambangan dan pemaknaan yang indah, berirama dan tepat, menyemai dan memupuk rasa yakin dan percaya dalam hati kalbu orang Melayu tentang kebenaran dan kemurnian budi yang baik, bahasa yang indah dan akal yang cerdas seperti benarnya kundi yang kurik, saga yang merah dan takal yang keras dalam alam persekitarannya.

Adat hidup Melayu terpuji,
Sesama makhluk bersuci hati,
Kepada orang bertanam budi,
Memberi tidak mengharap ganti. (Data 3)

Dalam pantun di atas, jelas merupakan anjuran dan tunjuk ajar supaya kita berusaha melakukannya iaitu menanam budi dan bersuci hati sesama anggota masyarakat dan juga individu. Terdapat juga isi pantun yang menganjurkan agar berbaik sangka terhadap sesama makhluk. Hal ini jelas terkandung dalam pantun seperti yang berikut:

Apa tanda orang mulia,
Berbaik sangka sesama manusia,
Siapa hidup berbaik sangka,
Dunia akhirat hidup sentosa. (Data 4)

Hari ini menanam jagung,
Hari esok menanam serai,
Hari ini kita sekampung,
Hari esok kita bercerai. (Data 5)

Hendak gugur gugurlah nangka,
Jangan ditimpa si ranting pauh,
Hendak tidur tidurlah mata,
Jangan dikenang orang yang jauh. (Data 6)

Dua rangkap pantun di atas jelas menunjukkan bahawa pantun Melayu itu sangat indah seninya dan sarat dipenuhi dengan makna dan kias, seloka dan jenaka, kasih-sayang, pepatah dan perumpamaan, nasihat dan tunjuk ajar dan lain-lain sekali gus juga menjelaskan hubungan manusia Melayu itu dengan kehidupan dan alam keseluruhannya. Hal ini jelas tergambar berdasarkan gambaran matahari, bulan, bintang, langit, bumi, laut, gunung-ganang, bukit, binatang dan tumbuhan.

Sirih kuning gagang menguning,
Mari tanam belukar sana,
Seri sirih naik ke kening,
Seri pinang naik ke muka. (Data 7)

Analisis akal budi berdasarkan data di atas menerangkan bahawa pemilik pantun berkenaan menginginkan seri daripada sirih itu naik ke keningnya. Dalam masyarakat Melayu, daun sirih juga menjadi bahan untuk dijadikan penaik seri pada wajah. Daun sirih dikatakan memiliki kandungan semula jadi seperti antioksidan yang bermanfaat bagi kulit, terutamanya kulit wajah kerana kandungan tersebut mampu untuk menghilangkan sel kulit mati yang menyebabkan kulit wajah menjadi suram dan kasar.

Selain itu, leksikal kening juga digunakan supaya seri sirih tersebut naik ke kening dan kelihatan kening seseorang itu mempunyai bentuk yang cantik. Kening yang mempunyai bentuk yang cantik seperti bulan sabit merupakan idaman setiap gadis dalam masyarakat Melayu. Sirih juga didapati mempunyai pelbagai khasiat yang tersendiri. Dalam hal ini, sirih digunakan dalam masyarakat Melayu untuk menaikkan seri wajah dengan cara merebus daun sirih tersebut dan menyapukan air rebusan sirih ke muka sekali gus dapat menaikkan seri di kening orang berkenaan.

Data *seri pinang naik ke muka* menerangkan bahawa pemilik pantun berkenaan menginginkan agar seri daripada buah pinang itu naik ke mukanya. Dalam masyarakat Melayu, penggunaan buah pinang dalam pantun Melayu dikatakan sebagai perlambangan kepada keturunan yang baik, budi pekerti yang jujur serta memiliki darjat tinggi. Perlambangan ini adalah berdasarkan kepada sifat pokok pinang tersebut yang tinggi, lurus ke atas serta mempunyai buah yang lebat dalam setandan.

Berdasarkan khasiat yang terdapat pada buah pinang pula misalnya buah pinang muda yang dikatakan mampu melicinkan kulit dan menyerlahkan keserian pada wajah. Dalam konsep akal budi masyarakat Melayu, seri yang terdapat pada buah pinang diibaratkan mampu menaikkan seri di wajah seseorang untuk kelihatan cantik pada wajahnya dan baik budi pekerti serta akhlaknya. Seri pinang juga dianggap mempunyai satu kuasa yang dipercayai boleh memberikan semangat kepada seseorang untuk tampil di khalayak ramai.

Bakul penuh berisi limau,
Sangat berat tak boleh dijinjing,
Biar mati ditangkap harimau,
Jangan mati digigit anjing. (Data 8)

Analisis akal budi berdasarkan data di atas menerangkan bahawa pemilik pantun tersebut membuat perbandingan kekuatan dan keberanian antara harimau dan anjing. Data *biar mati ditangkap harimau, jangan mati digigit anjing* membawa makna bahawa dalam sesuatu perkara misalnya pertandingan dikatakan lebih baik kalah di tangan orang yang kuat berbanding kalah di tangan orang yang lemah. Dalam hal ini, kekuatan disimbolikan dengan harimau, manakala kelemahan dianalogikan dengan anjing.

Perkara ini diperkukuh lagi melalui hasil kajian yang telah dijalankan oleh Imran Ho Abdullah (2011) dalam artikelnya yang bertajuk “Analisis Kognitif Semantik Peribahasa Melayu Bersumberkan Anjing”. Dalam hal ini, analisis Imran mendapati dalam peribahasa Melayu, anjing lazimnya dipetakan kepada orang yang lemah, hina, jahat serta tidak berilmu. Tambahan lagi, masyarakat Melayu turut mempunyai kefahaman metaforikal tentang hierarki dalam rantai utama makhluk atau kedudukan harimau dan anjing dalam alam haiwan yakni harimau itu dikatakan lebih besar, gagah dan kuat daripada anjing yang boleh dianggap lebih rendah dan lemah dibandingkan dengan harimau dalam susunan hierarki alam haiwan. Apabila

kefahaman metaforik ini yang juga mempunyai asas dalam budaya rakyat boleh dipetakan bahawa kekalahan atau kematian akibat ditangkap atau dibaham oleh haiwan gagah (harimau) adalah lebih baik yakni lebih mulia dan lebih tinggi dibandingkan dengan digigit anjing.

Dalam pada itu, boleh juga dikatakan haiwan lemah iaitu anjing digambarkan kepada manusia yang lemah atau hina dan haiwan gagah yakni harimau digambarkan kepada manusia yang kuat atau mulia secara fizikal. Oleh itu, akal budi yang jelas terpancar dalam data pantun *biar mati ditangkap harimau, jangan mati digigit anjing* memperlihatkan bahawa dalam alam haiwan yang spesifik (harimau) mewakili manusia yang kuat dan gagah, manakala anjing mewakili manusia yang lemah dan hina.

Rumah bertiang dinding papan,
Tanam selasih di tengah laman,
Biar hilang segala harapan,
Namun kasih hamba turutkan. (Data 9)

Berdasarkan pantun di atas, unsur flora yang diketengahkan ialah ‘papan’ dan ‘selasih’. Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2013), papan bermaksud kepingan kayu yang nipis atau lebar. Penggunaan papan penting dalam seni bina rumah Melayu. Kayu pula adalah bahan yang mempunyai kaitan yang amat rapat dengan pembinaan rumah-rumah tradisional Melayu. Hal ini disebabkan, kayu merupakan bahan binaan yang paling utama yang digunakan sejak dahulu lagi sebagai bahan binaan. Selasih pula merupakan sejenis pokok ulaman yang boleh ditanam menggunakan biji benihnya. Selasih memberi banyak kebaikan untuk kesihatan manusia disebabkan itu ia penting dan antara pokok yang selalu berada di sekitar rumah masyarakat Melayu.

Dalam hal ini, interpretasi daripada unsur objek (asal flora) yang digunakan ialah dengan melihat kepentingan ‘papan’ yang berperanan sebagai dinding. Dalam masyarakat Melayu dinding penting bagi menghalang daripada orang melihat isi rumah atau mengehadkan pembahagian rumah. Bagi menjaga sesuatu perkara yang penting ianya perlu dilindungi. Papan ini ibarat harapan yang menjaga rumah yang tegak berdiri dengan adanya tiang yang menjadi asas dalam memperkukuhkan nilai tersebut. Unsur flora iaitu selasih menjadi aspek penting kerana selasih yang menjadi penawar kepada sesuatu perkara yang buruk seperti penyakit. Berikut merupakan contoh metafora konsepsi bagi data pantun berkenaan:

SUMBER

Rumah bertiang dinding papan
Tanam
Selasih

SASARAN

→ Harapan di antara manusia
→ Mengekalkan sesuatu perkara
→ Keperluan sebagai penawar

Kewujudan pelbagai makna dalam data pantun yang telah dianalisis dapatlah dikatakan bahawa pantun boleh dizahir mengikut persekitaran masyarakat. Akal budi Melayu yang mencorak pembentukan pantun Melayu. Unsur flora dan fauna yang digunakan mempunyai nilai yang tersendiri dan nilai tersebut disasarkan kepada makna yang ingin dicari dan difahami. Data pantun yang telah dianalisis membuktikan bahawa masyarakat Melayu dulu menggeneralisasikan pengetahuan mereka mengikut apa yang lazim dipraktikkan dan berdasarkan pengalaman terdahulu.

Data kajian jelas membayangkan kepada kita bahawa pantun Melayu dapat menggambarkan perenggu minda orang Melayu dalam menjalani dan menempuh pelbagai aspek kehidupan harian. Pelbagai sifat mulia yang terpancar dalam pantun Melayu menjadi panduan kepada keseluruhan orang Melayu dalam membina sahsiah atau personaliti diri. Sahsiah individu yang cemerlang akan menjadi asas kepada pembinaan masyarakat Melayu yang gemilang.

KESIMPULAN DAN IMPAK KAJIAN

Dapatan kajian ini menunjukkan pemikiran Melayu amat terpengaruh oleh alam sekeliling iaitu alam fauna dan alam flora yang melatari kehidupan orang Melayu. Dalam pantun yang dikaji juga, terdapat pelbagai metafora yang jelas menggambarkan perenggu minda orang Melayu tentang kasih sayang, adat, kiasan, nasihat, perantauan, jenaka, peribahasa, budi, agama, kepahlawanan dan juga perekonomian. Dapatan kajian ini akan membolehkan kita lebih memahami perenggu minda orang Melayu yang telah diwarisi zaman berzaman. Dapatan kajian juga jelas menunjukkan bahawa pantun Melayu merupakan wahana yang paling jelas dalam mencerminkan pemikiran dan corak kehidupan orang Melayu. Pelbagai aspek pemikiran orang Melayu terserlah dengan jelas dalam pantun-pantun yang telah dipilih sebagai data kajian.

Secara umum, kajian ini didapati mampu memberikan banyak manfaat kepada pelbagai pihak. Antaranya ialah, dapat digunakan sebagai panduan kepada pihak Dewan Bahasa dan Pustaka khususnya bagi melaksanakan pelbagai alternatif dalam menaikkan semula kedudukan pantun sebagai cerminan pemikiran masyarakat Melayu. Selain itu, kajian mengenai akal budi juga didapati bermanfaat kepada ahli falsafah yang cenderung menghasilkan pelbagai penulisan mengenai falsafah dan pemikiran Melayu.

Kajian ini dapat diguna pakai juga oleh Pihak Kementerian Pendidikan. Hal ini demikian kerana, kajian mengenai pantun dapat digunakan dalam silibus pembelajaran sastera. Nilai-nilai murni yang terkandung dalam buku *Kurik Kundi Merah Saga Kumpulan Pantun Lisan Melayu* khususnya boleh diketengahkan di peringkat sekolah bagi memupuk nilai-nilai baik dalam diri individu. Tambahan lagi, kajian ini pastinya akan membuka dan memberi ruang kepada pendidik bagi memperbanyak lagi cabang ilmu yang perlu diterokai bagi proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Akhir sekali, dengan adanya kajian ini dapatlah memperbanyak kajian lepas berkenaan akal budi yang kurang disentuh oleh pengkaji sebelum ini khususnya korpus ilmu dalam bidang psikolinguistik. Dalam erti kata lain, pengkaji berharap dengan adanya penambahan kajian seumpama ini dapatlah mengisi kelompongan ilmu mengenai penelitian terhadap akal budi Melayu.

RUJUKAN

- Aminuddin Mansor. 2012. *Akal budi Melayu dalam Pantun dan Sajak*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Asmah Haji Omar. 1993. *Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azhar M. Simin. 1993. *Sintaksis Wacana "yang" dalam Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fillmore, C. J. 1985. Frames and The Semantics of Understanding. *Quaderni di semantica*. Vol VI, (2): 222-255.

- Gibbs, R.W.& Steen, G.J.(eds). 1997. *Metaphor in Cognitive Linguistics*. Amsterdam: John Benjamins Publishing Company.
- Hawa Mahfuzah Rusidin & Zulkifley Hamid. 2015. Akal Budi dalam Mantera: Analisis Semantik Kognitif. *Jurnal Melayu* 14 (2):160-173.
- Imran Ho Abdullah. 2011. Analisis Kognitif Semantik peribahasa Melayu bersumberkan anjing. *GEMA OnlineTM Journal of Language Studies*, 11(1): 125-141
<http://ejournal.ukm.my/gema/article/viewFile/71/65>.
- Junaini Kasdan & Nor Hashimah Jalaluddin. 2015. Unsur asam dan akal budi Melayu. Seminar Meja Bulat: Simpulan Bahasa dan Kognitif Penutur. Anjuran Institut Alam dan Tamadun Melayu Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi, 28 September 2015.
- Kamus Dewan edisi keempat*. 2013. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kurik Kundi Merah Saga Kumpulan Pantun Lisan Melayu edisi kedua*. 2013. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lakoff, G. & Johnson, M. 1980. *Metaphors We Live By*. Chicago: University Of Chicago Press.
- Lakoff, G. 1987. *Women Fire and Dangerous Things: What Categories Reveal About the Mind*. Chicago: Chicago University Press.
- Lakoff, G. 1993. *The Contemporary Theory of Metaphor*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Mangantar Simanjuntak. 1987. *Pengantar Psikolinguistik Moden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Shaffie. 1991. *Metodologi Penyelidikan edisi ke-2*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- John R. Searle. 1979. *Metaphor Pragmatics a Reader*. New York: Oxford University Press.
- Sulaiman Masri. 2005. *Kaedah Penyelidikan dan Panduan Penulisan Esei, Proposal, Tesis*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn.Bhd.
- Zulkifley Hamid. 2010. Bahasa Melayu Cerminan Pemikiran dan Budaya Melayu. Dlm. Ilham Daeng Mekkelo & Abd. Rahman Hamid (pnyt.). *Mengurai Kecerumpan: Dunia Melayu dalam Konteks Hubungan Bangsa Serumpun Indonesia Malaysia*. Yogyakarta: Penerbit Ombak.

Biodata penulis:

Nirwana Sudirman

Penulis merupakan pelajar sarjana sastera di Pusat Penyelidikan Bitara Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Fokus penyelidikan beliau adalah aspek bahasa Melayu sebagai cerminan pemikiran dan kehidupan orang Melayu, khususnya pantun Melayu.

Zulkifley Hamid

Zulkifley Hamid merupakan profesor di Pusat Penyelidikan Bitara Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Fokus penerbitan dan penyelidikan beliau adalah dalam bidang psikolinguistik bahasa Melayu, pendidikan bahasa Melayu dan falsafah bahasa Melayu.